

~~UCAPAN ADMO 36~~

~~221-143/78~~

~~314-82/79 ✓~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS

PERASMIAN BANGUNAN TIONG HWA,

PARIT RAJA, BATU PAHAT, PADA HARI

KHAMIS, 22HB. JUN, 1978, JAM

10.00 PAGI.

2

Pada kali ini PAS telah melatukkan
Upacara meresmikan bangunan Persatuan
calun-calunnya dalam ketiga-tiga kawasan ini
Tiong Hwa Parit Raja pagi ini amatlah besar ertinya
untuk menentang saya, Dato Syed Zain dan calun
kepada kaum China di sini dan juga kepada saya
baru kita di kawasan Parit Raja, iaitu Encik Shariff
sendiri sebagai bekas Wakil Rakyat kawasan Seri Gading.
Kassim.

Upacara ini dilakukan sehari selepas hari penamaan
calun. Kertas pencalunan saya telah diterima
semalam kerana bertanding dalam pilihanraya kawasan
ini bagi penggal kedua. Kebetulanannya empat tahun
lalu saya menang tanpa bertanding. Demikianlah
juga bagi dewan undangan negeri kawasan Parit Raja
pada ketika itu Dato Yusak dan kawasan Simpang
Renggam Dato Syed Zain.

...2/-

2.

2. Pada kali ini PAS telah meletakkan calun-calunnya dalam ketiga-tiga kawasan ini untuk menentang saya, Dato Syed Zain dan calun baru kita di kawasan Parit Raja, iaitu Encik Shariff Kassim.

3. Walau bagaimanapun kami tidaklah bimbang kerana kami percaya bahawa pengundi-pengundi di kawasan Seri Gading akan terus menyokong Barisan Nasional.

4. Saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Tiong Hwa Parit Raja khususnya kepada

...3/-

3.

Encik Teo Keng Chiong kerana memberi penghormatan kepada saya meresmikan bangunan baru ini. Saya difahamkan bahawa tetamu-tetamu yang hadir diupacara ini telah datang dari seluruh negeri Johor. Saya berasa amat terharu dengan sambutan ini, yang saya percaya melambangkan sokongan dan keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional.

5. Kehadiran tetamu dari segenap lapisan masyarakat di majlis ini juga melambangkan perpaduan dan persefahaman rakyat berbilang kaum di negara ini, yang memang telah sedia terjalin sejak zaman berzaman lagi terutama di Johor dan khususnya dalam Daerah

Batu Pahat.

...4/-

4.

Saya menggesa seluruh rakyat di tanahair memelihara perpaduan dan persefahaman bagi memastikan masa depan yang lebih terjamin bagi jenerasi kita yang akan datang.

6. Tiada sesiapaupun boleh menafikan bahawa hasil dari perpaduan dan persefahaman rakyat berbilang kaum ini, banyak kemajuan dan kejayaan telah dicapai di bawah Kerajaan Barisan Nasional, sama ada diperingkat negeri mahupun di peringkat Persekutuan. Di bawah pentadbiran Barisan, dan sebelum itu Parti Perikatan, keamanan, kemakmuran dan kesetabilan

...5/-

5.

telah dapat diperolehi dan dinikmati oleh rakyat jelata.

7. Oleh yang demikian maka perlulah rakyat terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional supaya segala apa yang telah dicapai dan dinikmati itu dapat dikekalkan dan seterusnya ditingkatkan lagi.
8. Kita telah mencapai Kemerdekaan hampir 21 tahun. Sungguhpun banyak kejayaan dan kemajuan telah dicapai, tetapi rakyat di kawasan-kawasan luarbandar masih belum dapat mengecap nikmat sepenuhnya dari kemerdekaan negara. Ini ialah kerana kebanyakan dari mereka terdiri dari petani-petani

6.

dan pekebun-pekebun kecil yang bergantung mata pencarian mereka dari hasil pengeluaran dan cucuk tanam mereka di kawasan-kawasan tanah yang tidak luas.

9. Dalam hubungan ini Kerajaan telah membuka banyak rancangan tanah yang dikendalikan oleh FELDA, FELCRA dan juga lain-lain agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pekebun-pekebun kecil yang mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomi ditempatkan dalam rancangan-rancangan tanah ini. Mereka yang tidak berpeluang memasuki rancangan tanah ini Kerajaan menyediakan berbagai kemudahan seperti memberi bantuan benih-benih

7.

pertanian yang baik, baja dan khidmat nasihat dengan tujuan supaya mereka meningkatkan hasil pengeluaran dari tanah-tanah mereka yang kecil itu.

10. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap nasib penduduk-penduduk kawasan luar bandar dan akan terus berakhtiar bagi memperbaiki keadaan hidup mereka serta meninggikan lagi taraf ekonomi mereka supaya mereka dapat menikmati kemakmuran yang lebih meningkat lagi. Kerajaan mempunyai penuh azam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mengurang dan seterusnya

...8/-

8.

membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum, sama ada yang tinggal di kampung-kampung mahu pun yang ada di bandar-bandar.

11. Salah satu daripada strategi utama membasmi kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Ini dilakukan melalui rancangan penanaman semula dan penanaman baru yang berterusan termasuk penggunaan tanah yang lebih intensif dalam bentuk tanaman selingan. Sehingga akhir tahun 1976 lebihkurang 1.61 juta ekar tanah getah telah ditanam semula.

...9/-

9.

Dari jumlah ini sebanyak hampir 459 ribu ekar telah ditanam semula semenjak tahun 1971. Sehingga sekarang RISDA telah mendaftarkan sebanyak lebihkurang 412 ribu pemohon bagi menanam semula seluas 2.275 juta ekar. Sejumlah 751 ribu ekar iaitu 33 peratus daripadanya melibatkan pemohon-pemohon yang merupakan 63 peratus daripada jumlah pemohon yang mempunyai tanah kurang dari lima ekar.

12. Sungguhpun matlamat tahunan tanaman semula dan tanaman baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak 100 ribu ekar, data-data yang ada menunjukkan bahawa kemajuan

...10/-

10.

yang dicapai adalah kurang dari yang dijangkakan. Kerajaan sedar bahawa tiap-tiap usaha untuk membasmi kemiskinan pasti menghadapi masalah. Kerajaan sentiasa berusaha mengatasi segala masalah yang timbul. Bantuan sebanyak \$900/- se-ekar kepada penanam-penanam semula getah di dapati tidak mencukupi bagi menampung kos tanaman semula yang semakin meningkat pada akhir-akhir ini.

13. Bagi mengatasi kesulitan ini Kerajaan baru-baru ini telahpun meluluskan bantuan tambahan dalam bentuk pemberian secara langsung sebanyak

...11/-

11.

\$300/- seekar dan bantuan tambahan ini mulai dibayar dari lhb. Januari, 1978:

1. Bagi pekebun-pekebun kecil mempunyai tanah kurang daripada atau sebanyak lima ekar pada atau sebelum l.l. 1957 akan layak mendapat kadar bantuan sebanyak \$1,200/ seekar dan ditambah lagi \$100/- seekar sebagai bonos galakan. Ini bermakna bahawa kumpulan ini akan menerima bantuan sebanyak \$1300/- seekar.

..12/-

12.

2. Bagi mereka yang mempunyai tanah kurang dari atau sebanyak 10 ekar pada atau sebelum 1.1.1978 akan menerima bantuan sebanyak \$1,200/- seekar;
3. Walau bagaimanapun pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah lebih dari 10 ekar akan terus menerima bantuan sebanyak \$900/- seekar;
4. Sementara mereka yang layak menanam semula dan mananam tanaman baru

...13/-

13.

yang mana kelayakan maksima bagi kedua-duanya ialah 12 ekar, akan menerima bantuan sebanyak \$1,200/- seekar bagi 10 ekar yang pertama manakala bakinya seluas 2 kar akan menerima bantuan kadar lama iaitu sebanyak \$900/- seekar.

14. Saya percaya tambahan bantuan ini akan menggalakkan pekebun-pekebun kecil menyertai rancangan tanaman semula getah ini dan akan juga mendorong lebih ramai pekebun kecil terutama

...14/-

14.

mereka yang memileki tanah getah yang sudah tua dan luas kawasan lima ekar kebawah, memohon rancangan tanaman semula ini.

15. Inilah berita yang ditunggu-tunggu oleh pekebun-pekebun kecil selama ini dan inilah salah satu usaha Kerajaan Barisan Nasional membantu pekebun-pekebun kecil getah. Insyallah banyak lagi yang akan kami lakukan selepas pilihanraya 8hb. Julai apabila Barisan Nasional diberi mandat penuh oleh rakyat. Oleh yang demikian saya menyeru kepada pekebun-pekebun kecil khasnya dan rakyat seluruhnya supaya memastikan kemenangan Barisan Nasional serta menjamin keamanan, ...15/-

15.

kemakmuran dan kestabilan yang berlanjutan bagi rakyat dan negara kita.

16. Selain dari usaha-usaha yang saya terangkan tadi, Kerajaan juga telah menjalankan dan akan terus memperluaskan lagi kegiatan MARDEC untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah di dalam mengatasi masalah memproses dan pemasaran getah mereka. Di samping memproses getah, kepada keluaran getah standard Malaysia(SMR), MARDEC juga merupakan salah satu saluran pemasaran getah pekebun-pekebun kecil yang utama.

...16/-

16.

Langkah pemasaran MARDEC ini telah membantu pekebun-pekebun kecil mendapat harga penjualan yang lebih berpatutan.

17. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ini akan juga dapat dinikmati oleh kaum China. Sesungguhnya semua Rancangan Pembangunan dan kegiatan ekonomi yang diselenggarakan oleh Kerajaan membawa menafaat, samada secara langsung atau tidak langsung, kepada semua kaum. Kaum Cina misalnya sentiasa dapat peluang-peluang kerja kontrak dalam Rancangan-rancangan FELDA, Rancangan TALIAIR

...17/-

17.

dan Perparitan serta lain-lain projek binaan dalam rancangan pembangunan negara.

18. Demikianlah juga dalam pelaksanaan dasar ekonomi baru, rakyat keturunan Cina yang miskin dan yang berpendapatan rendah, samada yang tinggal di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar akan terus menikmati kesan dan faedahnya. Sebagaimana saya selalau tegas dan jelaskan bahawa kedua-dua Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk semua rakyat tanpa mengira kaum. Setiap rakyat mestilah mengambil kesempatan merebut segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan.

...18/-

18.

19. Sebagai contoh Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat di mana Kerajaan akan membelanjakan wang sebanyak \$233 juta, rakyat keturunan China juga akan menikmati faedahnya. Di samping dapat kerja-kerja kontrek kecil atau besar di projek ini, tanah-tanah kaum China dalam kawasan yang terlibat seluas kira-kira 367 ribu ekar akan dapat juga diperbaiki bagi meningkatkan daya pengeluaran pertanian yang lebih tinggi.

20. Kita tidak boleh menafikan bahawa keadaan hidup yang lebih mewah dikalangan penduduk-penduduk kampung ini akan meningkatkan

...19/-

19.

kegiatan perdagangan kaum China di bandar-bandar.

Pertumbuhan kegiatan ekonomi di Pekan Parit Raja

juga membawa faedah keuntongan kepada rakyat

keturunan China di sini.

21. Saya amat sukacita kerana bangunan baru

Persatuan Tiong Hwa ini telah dapat menampung

keperluan rakyat setempat pada masa ini. Kerajaan

telah pun meluluskan baru-baru ini satu peruntukan

sebanyak \$200 ribu untuk mendirikan sebuah dewan

orangramai Parit Raja yang boleh digunakan untuk

semua kaum.

...20/-

20.

22. Kerajaan juga telah meluluskan perbelanjaan berjumlah \$91 ribu untuk tiga projek dalam daerah Batu Pahat. Diantara nya ialah bantuan membina rumah berhala Sun Kong Tong sebanyak \$40 ribu.

23. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana menjayakan majlis ini.

24. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Bangunan Persatuan Tiong Hwa Parit Raja ini dibuka dengan resminya.

Terima kasih.

22. Kerajaan juga telah meluluskan perbelanjaan berjumlah 401 ribu untuk tiga projek dalam daerah Batu Pahat. Di antaranya ialah bantuan membina rumah berhala Sun Kong Tong sebanyak 240 ribu.

23. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana menjayakan majlis ini.



Parti Raja ini dibuka dengan terimakasih

Terima kasih.

370

36/79

No Siri 370

No Penerimaan 36/79

370

36/79